

Wanita salah guna dadah didenda RM2,000

MIRI: Seorang wanita didenda RM2,000 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam setelah disabitkan atas kesalahan terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan polis selama dua tahun.

Tertuduh, Christina Garantiing Anchih, 21, dari Sungai Buri, Bakong, mengaku ber-

salah atas pertuduhan dibawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang dibacakan di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan sertamerta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemu-

lihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis methamphetamine, methylenedioxy-amphetamine (MDA) dan 3,4-methylenedioxymethamphetamine (MDMA) yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta

234), dengan memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 8.10 pagi, 7 Februari lalu di sebuah pusat hiburan di sini.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry di hadapan Majistret Ashok Linggam, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.